

# Gas, minyak masak, gula kita laris di Entikong



Seorang lelaki mengangkat tong gas memasak yang diseludup di Pos Lintas Batas Entikong.

➔ Penyeludup bawa barang subsidi dalam kuantiti kecil secara sorok

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

► Entikong (Kalimantan Barat)

Pemintaan tinggi terhadap pelbagai barangan kawalan termasuk gas memasak, mendorong penyeludup menggunakan pelbagai helah bagi menyeludupnya merentasi sempadan Malaysia dan Indonesia di sini.

Sumber berkata, penyeludup menggunakan modus operandi berulang alik melintasi pos kawalan sempadan, menggunakan kenderaan Malaysia atau Indonesia dengan alasan hanya melakukan perjalanan di antara dua pos kawalan

itu sahaja. Katanya, penyeludup membawa barangan kawalan dari Malaysia dalam kuantiti kecil secara disorok dalam komponen kenderaan dan sebaik tiba di kawasan pos kawalan dalam wilayah Indonesia, mereka mengumpul barangan yang diseludup terbabit.

“Mereka kemudiannya akan memunggah barangan seludup itu seperti minyak masak, gula malah gas memasak ke dalam kenderaan lain sebelum dibawa ke Entikong dan Balai Karangan,” katanya.

**Terbukti benar**

Tinjauan di Kompleks Pos Lintas Batas Entikong, mendapati kenyataan itu terbukti benar apabila se-

**Fakta nombor**

**RM30**

harga gas memasak berkapasiti 14 kilogram

BH  
31/10/16  
ms-17

jumlah tong gas memasak kelihatan dikumpulkan dalam kawasan parkir kompleks berkenaan.

Pemerhatian mendapati, beberapa lelaki kemudian mengangkat tong gas tertera lambang Petronas itu ke dalam kereta sebelum dibawa ke pekan kecil berdekatan dalam wilayah Indonesia.

Malah tinjauan di pekan kecil Entikong dan Balai Karangan, turut mendapati kebanyakan kedai menjual tong gas Petronas 14 kilogram, manakala tong gas keluaran Indonesia yang dijual pula hanya berkapasiti 3 kilogram.

Penduduk tempatan mendakwa, harga lebih rendah berbanding produk tempatan mendorong ra-

mai penduduk di Entikong dan Balai Karangan, memilih untuk menggunakan gas memasak yang diseludup dari Malaysia.

Gas memasak Petronas berkapasiti 14 kilogram dijual pada harga Rp135,000 (kira-kira RM30) manakala tong gas keluaran Indonesia pula dijual antara Rp180,000 hingga Rp200,000.

“Tong gas Petronas isinya dijamin penuh, harga pula lebih murah, tentu sahaja kami memilih yang dibawa dari Malaysia.

“Memang mudah untuk mendapatkan gas memasak dari Malaysia di Entikong ini, begitu juga di Balai Karangan,” kata peniaga gerai makanan di Entikong, yang enggan identitinya didedahkan.